

Pulang ke rumah selepas banjir

Penerangan tentang menjaga keselamatan selepas banjir

Malay | Bahasa Melayu | ملايو بهاس

OFFICIAL

Apabila pulang ke rumah selepas banjir, baca penerangan ini demi melindungi diri anda dan keluarga daripada kecederaan atau dijangkiti penyakit.

Cara pulang ke rumah dengan selamat

- Jangan sekali-kali berjalan kaki, berenang dan memandu meredah banjir walaupun cetek. Jauhkan kanak-kanak dan binatang peliharaan sehingga selamat untuk pulang.
- Sentuhan kulit dengan air banjir dan lumpur dapat menyebabkan penyakit dan jangkitan. Elakkan bersentuh dengan air banjir dan kerap basuh tangan dengan sabun.
- Pakai but kalis air dan sarung tangan daripada getah atau kulit semasa pembersihan.
- Jika ada luka atau kudis yang mungkin bersentuh dengan air banjir, tutup dengan plaster. Jika tercedera atau mengalami luka, bersihkan luka dan hubungi doktor dengan serta-merta.
- Perhatikan perkara-perkara berikut sebelum masuk rumah:
 - ✓ banjir boleh menyebabkan rumah dimasuki najis
 - ✓ bekalan gas atau elektrik mungkin rosak
 - ✓ struktur rumah anda mungkin rosak
 - ✓ ular dan binatang lain mungkin berlindung di dalam rumah, bangsal atau taman anda.
 - ✓ air yang bertakung dalam bekas-bekas di halaman rumah mesti dibuang kerana nyamuk dapat membiak di situ
 - ✓ jika ada kulapuk di dalam rumah, bersihkan dahulu sebelum mendiami rumah.
- Jika terputus bekalan kuasa, periksa makanan atau ubat di dalam peti sejuk. Anda mungkin perlu membuangnya.
- Jangan gunakan generator mudah alih di dalam rumah kerana karbon monoksida dapat dihasilkan dan menyebabkan anda jatuh sakit.
- Banjir dapat mencemarkan air minum anda. Bertanya kepada agensi air anda sama ada air paip selamat untuk diminum. Jika tidak menggunakan bekalan air saluran utama dan khuatir bekalan air peribadi anda terjejas oleh banjir, hubungi majlis tempatan anda.
- Jangan berenang di laluan air, pantai atau kolam renang kerana mungkin mengandungi pencemaran.
- Banjir dapat menyebabkan beberapa bahagian rumah anda berganjak, seperti paip, kepingan simen atau jubin. Jika terjumpa asbestos, jangan sentuh bahan ini; hubungi majlis tempatan anda.
- Jika sistem air buangan anda terjejas, kurangkan penggunaan air anda dan hubungi tukang paip.

Jaga diri anda

- Memang lazimnya kita akan mengalami pelbagai emosi. Luangkan masa untuk memerhatikan keadaan diri dan minta sokongan mereka yang dekat dengan anda.
- Jika tidak dapat menahan beban emosi, hubungi Mental Health and Wellbeing Hubs 1300 375 330 untuk sokongan percuma.
- Jika bimbang tentang kesihatan anda, berjumpalah dengan GP anda. Hubungi 000 jika kecemasan. Jika tidak dapat membuat panggilan, pergilah ke hospital yang terdekat.
- Jika anda atau sesiapa yang anda kenali sedang mengalami krisis, hubungi Lifeline 13 11 14 atau Beyond Blue 1300 224 636.

Dapatkan sokongan kewangan

- Jika rumah anda mengalami kerosakan akibat banjir, anda mungkin layak mendapat bayaran kecemasan sekali sahaja. Untuk maklumat lanjut, layari <https://emergencypayments.dffh.vic.gov.au>
- Re-establishment Assistance (Bantuan Pemulihan) mungkin boleh didapati jika anda tidak dapat tinggal di rumah kerana rosak atau tidak dapat pulang ke rumah selama lebih 7 hari. Untuk penerangan lanjut, layari <https://services.dffh.vic.gov.au/personal-hardship-assistance-program>
- Disaster Recovery Allowance (Elaun Pemulihan Bencana) disediakan untuk pekerja dan peniaga persendirian yang kehilangan pendapatan akibat bencana besar. Anda boleh mendapat pembayaran sehingga 13 minggu selepas kejadian bencana. Layari <https://www.servicesaustralia.gov.au/natural-disaster-events?context=60042> untuk penerangan lanjut.
- Anda mungkin layak menerima Disaster Recovery Payment (Bayaran Pemulihan Bencana) Kerajaan Australia jika cedera parah atau rumah anda rosak teruk akibat banjir. Orang dewasa boleh menerima \$1,000 dan kanak-kanak boleh menerima \$400. Layari <https://www.servicesaustralia.gov.au/victorian-floods-october-2022-australian-government-disaster-recovery-payment> untuk penerangan lanjut.
- Hubungi Flood Recovery Hotline 1800 560 760 untuk bantuan tempat tinggal sementara dan sokongan lain.
- Jika perlukan bantuan tentang insurans, hubungi hotline bencana Insurance Council Australia 1800 734 621.

Untuk menerima penerbitan ini dalam format mudah akses, sila e-mel pph.communications@health.vic.gov.au

